


ASMA

DAN PEKERJAAN

Apa Yang Anda Perlu Tahu



Apakah Penyakit Asma Pekerjaan?

Penyakit Asma Pekerjaan adalah penyakit paru-paru yang disebabkan oleh penyempitan saluran pernafasan berpunca daripada pendedahan terhadap bahan-bahan di tempat kerja.

Kumpulan Pekerja Berisiko

Pekerja elektronik
Pekerja yang mengendali cat, varnish
Pekerja industri kimia
Pekerja pemprosesan makanan bijirin dan tepung
Pekerja pemprosesan bahan plastik
Pekerja terdedah kepada habuk kayu
Pekerja mengendali ubat-ubatan
Pekerja pengimpalan (*welders*)
Pemandan rambut

Bahan-bahan

Colophony, Solder
Isocyanate, Cat
Epoxy/Resins/Formaldehyde
Tepung/Bijirin
Trypsin
Habuk Kayu
Tetracycline, Penicillin, Methyldopa
Welding Fume
Ink/Dyes

Kenalpasti Risiko Di Tempat Kerja Anda

Gejala-Gejala Penyakit Asma Pekerjaan

- Nafas berbunyi (*wheezing*)
- Dada rasa ketat (*chest tightness*)
- Sesak nafas (*breathless*)
- Batuk (*cough*)

Gejala-gejala ini mungkin terjadi selepas beberapa hari/bulan/tahun pendedahan di tempat kerja.

Pencegahan

- Patuhi prosedur kerja yang sihat dan selamat.
- Pastikan langkah-langkah kawalan di tempat kerja berfungsi dengan baik.
- Gunakan alat perlindungan pernafasan yang dibekalkan sepanjang masa dengan betul.
- Majikan perlu mengenalpasti pekerja yang berisiko.
- Jalankan pemeriksaan perubatan secara berkala, seperti '*Lung Function Test*', '*Peak Flow Meter*'.
- Laporkan setiap kes kepada majikan/pihak bertanggungjawab.

RAWATAN AWAL MENGURANGKAN KOMPLIKASI

Amalkan Budaya Kerja Sihat Dan Selamat

Sek. 15, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

"Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap majikan dan tiap-tiap orang yang bekerja sendiri untuk memastikan, setakat yang praktik, keselamatan, kesihatan dan kebajikan semasa bekerja semua pekerjanya."

Sek. 24, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

"Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap pekerja yang sedang bekerja. Untuk memberikan perhatian yang munasabah bagi keselamatan dan kesihatan dirinya dan orang lain yang mungkin terjejas oleh tindakan atau peninggalannya semasa bekerja."

KETAHUI HAK DAN TANGGUNGJAWAB ANDA!

**INGAT! Penyakit Asma Pekerjaan boleh
dicegah jika anda prihatin terhadap diri dan
persekitaran kerja anda.**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila hubungi Unit Kesihatan Pekerjaan di tel : **03-2540088** atau Jabatan Kesihatan yang berhampiran

Kementerian Kesihatan Malaysia

Diterbitkan oleh Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia
T/P & P: 72/99(BU.2, 100,000 (BM)

